

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

RPK 558 - Perundangan dan Pentadbiran Perancangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

1. (a) Terangkan apa dia "Rancangan Struktur" dan "Rancangan Tempatan".

(b) Huraikan prosidur yang disebut di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, dan di bawah kaedah yang berkaitan, dalam penyediaan dan kelulusan sesuatu Rancangan Struktur.

(100 markah)

2. (a) Huraikan langkah-langkah yang hendak diambil oleh seorang pemaju dalam permohonan untuk kebenaran merancang dan prosidur-prosidur dalam pertimbangan permohonan itu oleh pihak berkuasa Perancang Tempatan.

(b) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pemaju sekiranya ia tidak berpuas hati dengan sesuatu keputusan pihak berkuasa Perancang Tempatan tentang permohonannya untuk kebenaran merancang?

(100 markah)

3. (a) Huraikan fungsi-fungsi dan tugas-tugas pihak berkuasa Perancang Tempatan dan Jawatankuasa Perancang Negeri yang disebut di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

(b) Apakah peranan-peranan pihak berkuasa Perancang Tempatan, pihak berkuasa Negeri dan Jawatankuasa Perancang Negeri dalam:
 - i) penyediaan Rancangan Struktur.
 - ii) penyediaan Rancangan Tempatan.
 - iii) penarikbalik kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan.
(100 markah)